

Industri kereta vintaj dan klasik punya masa depan cerah – Abdullah



ABDULLAH Ahmad Badawi mengucapkan tahniah kepada Larry Lim, juara keseluruhan kategori kereta vintaj selepas merasmikan perarakan dan pameran kereta antik sempena Grand Prix Kuala Lumpur 2006 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR 11 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin industri mengurus, merawat dan membaiki kereta-kereta vintaj dan klasik mempunyai masa depan yang cerah untuk diceburi di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, di negara lain terutamanya negara maju, industri itu semakin bertambah besar dan mencatat keuntungan berlipat kali ganda daripada kegiatan membaiki kereta baru.

"Industri kereta vintaj dan klasik di England umpamanya memerlukan kepakaran yang tinggi di mana mekanik mereka bukan sahaja cekap dan mahir membaiki enjin, malah mampu mengubahsuai dan membina semula sesebuah kereta.

"Mekanik di sana melakukan semua aspek pekerjaan daripada mengurus, membaiki dan mengubahsuai kereta vintaj.

"Saya percaya industri ini boleh berkembang di Malaysia dan peminat (kereta vintaj dan klasik) akan bertambah," katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar selepas membuat kunjungan mengejut pada pelancaran Pesta Auto Bandaraya Pertama dan

UM-12/3/2006
Perhimpunan Kereta-Kereta Klasik dan Vintaj Keempat di Dataran Merdeka, di sini hari ini.

Perdana Menteri yang berkunjung ke pesta itu dengan memandu sendiri kereta klasik moden Mercedes Benz 190SL keluaran 1961, bernombor pendaftaran AAB13 dari Putrajaya mendapat tepukan gemuruh sebaik tiba.

Ketika itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique sedang berucap melancarkan acara berkenaan yang diadakan sempena Grand Prix F1 Malaysia di Litar Antarabangsa Sepang dari 17 hingga 19 Mac ini.

Perdana Menteri berkata, tumpuan kepada kereta vintaj tidak bercanggah dengan industri automobil negara kerana membaiki dan membina semula kereta lama memerlukan kemahiran yang tinggi.

Menurutnya, kepakaran dalam bidang kereta jenis ini agak berlainan dengan yang diperlukan dalam industri automotif moden.

Abdullah bagaimanapun yakin penyertaan kereta vintaj dan klasik dalam pasaran automotif negara tidak akan menjejaskan industri kereta

tempatan. Ini kerana katanya, kereta jenis itu mempunyai kelas tersendiri dan tidak akan menjadi saingan kepada kereta nasional.

Mengenai F1 yang akan berlangsung mulai 17 Mac di Litar F1 Sepang, Abdullah berkata, penyertaan Petronas dan Proton dalam perlumbaan berprestij itu akan memanfaatkan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) industri pemotoran negara.

Beliau kagum dengan penyertaan 100 kereta dalam kategori vintaj, klasik dan klasik moden di samping puluhan motosikal kuasa rendah dan tinggi dalam pesta itu.

Sehubungan itu, Abdullah berharap lebih ramai rakyat Malaysia serta ASEAN akan menyertai acara tahunan itu di masa akan datang.

Sementara itu, peserta dari Singapura, Larry Lim, 64, yang memiliki Rolls Royce Connaught Tourer muncul juara keseluruhan untuk merebut Piala Datuk Bandar.

Kategori kereta vintaj, beliau juga memenangi Tickford dan tempat ketiga dimenangi oleh Kol. Douglas Fox yang memiliki Lagonda 16/80 17.